Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	6/1/2020	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**			



Sebahagian penduduk berkumpul bagi membantah projek pembersihan hutan simpan yang sudah dinyahwartakan berhampiran Taman Chepor Sentosa, semalam.
(Foto Balqis Jazimah Zahari/BH)

Kerja pembersihan hutan dikhuatiri undang bahaya

Penduduk bantah aktiviti teroka tanah di lereng bukit Banjaran Kledang

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my



***Kerja pembersihan hutan** di lereng bukit Banjaran Kledang boleh mengundang bahaya kepada penduduk di kawasan perumahan berhampiran.*
(Foto ihsan Sahabat Alam Malaysia)

Ipoh: Lebih 1,000 penduduk di Taman Chepor Sentosa membantah kerja pembersihan hutan di lereng bukit Banjaran Kledang berdekatan kediaman mereka.

Mereka khuatir kerja tanah dilakukan di kawasan seluas 151.49 hektar daripada 500.2 hektar tanah Hutan Simpan Kledang Saiong yang dinyahwartakan pada 2010 itu menyebabkan bencana.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Chepor Sentosa, Shamsul Kamar Ani berkata, penduduk membantah aktiviti penerokaan dan pembalakan membabitkan kawasan hutan seluas lebih 150 hektar itu.

"Kami membantah sekeras-kerasnya projek penerokaan dan pembalakan ini kerana kita bimbang dengan kesan buruk yang akan berlaku seperti tanah runtuh, banjir kilat dan banjir lumpur sekiranya projek ini tetap diteruskan.

"Kita tidak mahu berlakunya banjir lumpur seperti yang pernah dialami oleh beberapa rumah penduduk taman ini kira-kira tiga tahun lalu akibat penerokaan tanah secara haram untuk projek tanaman jagung," katanya pada sidang media berhubung isu berkenaan di sini semalam.

Pengerusi surau, Datuk Ahmad Mohd, berkata beliau bimbang sekiranya hujan lebat sisa penerokaan dan pembalakan akan dibawa arus sungai ke taman itu.

"Di kawasan bukit itu ada anak sungai, rumah saya dan juga surau antara paling dekat dengan laluan air sungai, sejak penerokaan ini air sungai nampak keruh.

"Jika aktiviti ini diteruskan berkemungkinan laluan air di situ juga akan tersumbat dan jika hujan, sudah tentu air akan melimpah dan merosakkan semua rumah di sini.

"Kami menuntut hak sebagai penduduk taman ini dan bersuara tanpa rasa khuatir kerana ia membabitkan keselamatan seluruh penduduk sekiranya berlakunya bencana kesan penerokaan hutan itu," katanya.

Beliau turut kesal dengan aktiviti penerokaan hutan itu yang seolah-olah tidak mempedulikan pengisytiharan Lembah Kinta sebagai tapak geologi Geopark Kebangsaan oleh Sultan Perak pada Oktober 2018.

> ***Jika aktiviti ini diteruskan berkemungkinan laluan air di situ juga akan tersumbat dan jika hujan sudah tentu air akan melimpah dan merosakkan semua rumah di sini.***
>
> ***Ahmad Mohd,***
> *Pengerusi surau*

Katanya, satu laporan polis dibuat bagi memastikan tindakan pihak berkuasa untuk menghentikan semua aktiviti pembersihan hutan berkenaan.

Wakil penduduk, Faridah Abdul Karim pula berkata, pihak berkuasa diharapkan dapat mempertimbangkan semula risiko besar yang timbul jika projek ini diteruskan.

"Kawasan hutan berkenaan berpotensi untuk dijadikan tempat rekreasi kerana terdapat air terjun tiga tingkat yang belum diterokai.

"Penduduk memohon jasa baik Menteri Besar Perak untuk menghentikan projek ini dengan segera," katanya.

Sementara itu, Pegawai lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata beliau menggesa Kerajaan Negeri dapat menghentikan segera aktiviti pembersihan hutan berkenaan dan meminta agar tanah itu diwartakan semula sebagai hutan simpan.